

Cerita-cerita Dari Persuratan Arab

Ibu

Masuklah Abdullah ibn Zubayr mendapatkan ibunya ketika melihat orang-orangnya mengecewakannya lalu berkata:

“Ibu, orang ramai telah mengecewakan saya termasuk kaum keluarga dan anak-anak saya. Hanya sedikit yang masih setia dan tinggal berjuang bersama-sama dengan saya, sedang mereka tidak dapat bertahan dan bersabarlah dari satu jam sahaja. Pihak musuh (tentera Bani Umayyah yang dipimpin oleh al-Hajjaj) sedia memberikan kepada saya akan apa sahaja yang saya kehendaki dari keuntungan-keuntungan di dunia, oleh itu bagaimana fikiran ibu?”

Ibu menjawab: “Engkau demi Allah wahai Abdullah lebih mengetahui akan akal dirimu. Kalau engkau mengetahui bahawa engkau berada di atas kebenaran dan sedang mengajak orang ramai menurutnya maka teruskanlah, kerana sahabat-sahabatmu telah terbunuh dalam perjuangan mempertahankannya. Janganlah dibiarkan orang-orang Bani Umayyah dapat menawanmu dan menjadikan engkau satu permainan. Kalau pula engkau hanya berkehendakkan keuntungan di dunia, maka engkau akan menjadi sejahat-jahat hamba Allah, kerana dengan itu engkau telah membinasakan dirimu dan membinasakan orang-orang yang berjuang bersama-sama denganmu. Kalau pula engkau berkata: “Aku memang berada di atas kebenaran, tetapi manakala orang-orangku lemah maka aku pula turut lemah”; maka yang demikian ini bukanlah perbuatan orang-orang yang berjiwa

merdeka, dan tidak juga perbuatan ahli-ahli agama berapalah engkau boleh hidup di dunia. Mati adalah lebih baik! Demi Allah satu tetakkan padang dalam keadaan mulia, lebih aku sukai daripada satu pecutan cemeti dalam keadaan hina.”

Abdullah berkata: “Ibu, saya takut kalau mereka membunuh saya, mereka akan kerat-kerat anggota saya.”

Mendengarkan itu, ibunya menjawab: “Anakku, kambing yang telah disembelih tidak akan merasa sakit apabila ia dikuliti.”

Abdullah pun mencium kepala ibunya lalu berkata “Demi Allah, inilah tujuan saya, dan inilah yang saya perjuangkan hingga hari ini. Saya tidak berdiam diri kerana mementingkan kesenangan dunia, dan tidaklah saya sukakan hidup di dalamnya. Saya tidak keluar menentang musuh (Bani Umayyah) melainkan kerana marah melihatkan perkara-perkara yang diharamkan Allah telah dilanggar oleh mereka, Tetapi saya suka hendak mengetahui fikiran ibu, maka sekarang ibu telah menambahkan pengetahuan saya. Oleh itu, ketahuilah ibu, rasanya saya akan mati terbunuh pada hari ini, maka janganlah ibu bertambah-tambah dukacita, dan serahkanlah perkara itu kepada Allah, kerana anakmu tidak pernah bersengaja melakukan sesuatu yang munkar dan keji, dan tidak pernah berlaku zalim dalam menjalankan hukum Allah. Tidak juga ia menipu dalam masa aman dan tidak bersengaja menganiaya seseorang Muslim atau seseorang mu‘ahid (orang kafir yang mengikat perjanjian dan diberikan jaminan oleh pemerintah Islam). Demikian juga tidak pernah disampaikan ke pengetahuan saya tentang kezaliman pegawai-pegawai saya lalu saya setuju, bahkan saya telah mengajinya

tidak juga ada sesuatu yang saya utamakan selain dari keredaan Tuhanku. Ya Tuhanku, aku tidak perkatakan ini sebagai puji-pujian dari aku terhadap diriku, engkau lah yang lebih mengetahui akan hal diriku, tetapi aku perkatakan ini hanya sebagai satu ta'ziyyah bagi ibuku, supaya terhibur hatinya daripada menanggung duka nestapa terhadap diriku.”

Kata-kata Abdullah ibn al-Zubayr itu telah disahut oleh ibunya: “Aku bermohon kepada Allah ‘*Azza wa jalla* supaya aku dapat bersabar dengan sebaik-baiknya kiranya engkau mati dahulu daripada aku. Kalau pula aku mati lebih dahulu, maka sudah tentu aku terkilan sebelum mengetahui akan kesudahan perjuanganmu.”

Terdiam ibn al-Zubayr mendengarnya, lalu berkata:



Pelajar-pelajar Maktab al-Miṣriyyah Bukit Mertajam yang telah lulus bahagian guru setelah melalui latihan selama lima tahun. Keterangan gambar, dari kanan: Ustazah Rahmah binti Mahmud (Bukit Mertajam), Ustazah Hafisah binti Ya'cob (Temerloh, Pahang), Ustazah Maimunah Nawawi (Pantai Remis, Perak), Ustazah Rahmah binti Taib (Singapura), dan Ustazah Aisyah Hashim (Kedah). Empat daripada mereka telah pun diterima berkhidmat di Madrasah Miṣriyyah.

“Ibu, mudah-mudahan Allah membalas ibu dengan kebaikan. Janganlah ibu tinggalkan berdoa untuk saya, sebelum dan sesudah saya mati kelak.”

“Aku tidak akan meninggalkan doa untukmu selama-lamanya,” kata ibunya dan berkata lagi “kalau ada orang yang terbunuh ketika ia berada dalam kesalahan, maka engkau kalau terbunuh kelak adalah ketika berada dalam kebenaran!”

Lebih lanjut ibunya bermohon ke hadrat Allah Ta’āla dengan berkata: “Ya Tuhanku, limpahkanlah rahmat kepada anakku yang telah sekian lama berdiri sembahyang dan beribadat di sepanjang-panjang malam, dan yang telah berjuang dengan menderita panas dan dahaga dipelbagai medan di Madinah dan Makkah, dan yang telah berlaku taat kepada ayahnya dan kepada aku ibunya. Ya Tuhanku, aku telah serahkan dia kepadamu, dan aku reda kepada apa yang Tuhanku

Khusyukkah Sembahyang Tuan?

“Dalam kita sujud dalam kita meletakkan dahi di bumi, rasakanlah akan kehinaan diri bahawa tidak ada harganya” – kata Kiyai Muhammad Hasbi Ash-Shiddieqy. Kita manusia tidak ada kekuatan dan tidak ada harga, kerana itu latihlah diri supaya khusyuk di dalam sembahyang. Salah satu caranya bacalah ucapan Kiyai Muhammad Hasbi.

Sujudlah Kepada Tuhanmu!

Di susun oleh Edrus

Sebuah buku Serial Syarahan 2 yang diterbitkan oleh Qalam. Senaskhah hanya 40 sen sahaja. Ukuran kecil.

takdirkan. Aku memohon kepadamu akan pahala pada menerima apa-apa yang berlaku atas diri anakku Abdullah, dengan pahala orang-orang yang sabar, lagi bersyukur.”

Pada saat itu, Abdullah pun memberi selamat tinggal lalu keluar berjuang, dan akhirnya ia telah gugur di bunuh oleh musuh yang dipimpin oleh al-Hajjaj.

(Catitan: Ibu Abdullah ibn Zubayr yang menjadi mawdū‘ kisah ini ialah Siti Asma‘ binti Saiyidina Abu Bakar al-Siddiq, salah seorang dari kalangan kaum ibu titisan Arab Quraisy, yang terkenal dan bijaksana. Suaminya ialah Saiyidina al-Zubayr ibn al-Awwam seorang sahabat besar Nabi (SAW). Ia juga saudara sebapa dengan Siti Aishah Ummu Mukminin. Siti Asma‘ telah lanjut usianya sehingga mencapai umur seratus tahun lebih dan telah wafat di Makkah pada tahun 73 Hijrah.

Puteranya Abdullah yang tersebut dalam kisah ini ialah Abdullah ibn al-Zubayr ibn al-Awwam. Dialah anak kaum Muhajirin yang pertama dizahirkan oleh ibunya di Madinah al-Munawarah. Tatkala Yazid bin Mu‘awiyah mati, Abdullah ibn al-Zubayr telah tampil menentang khalifah dari Bani Umayyah lalu memasyhurkan dirinya menjadi khalifah Islam yang berpusat di Makkah al-Mukaramah. Ia telah berjaya menguasai negeri-negeri Hijjaz, Yaman dan Iraq, dan telah berkekalan menjadi Khalifah selama sembilan tahun. Akhirnya ia telah dikepung oleh al-Hajjaj, panglima angkatan Bani Umayyah dalam zaman Khalifah Abdul Malik bin Marwan, dan telah mati terbunuh di Makkah pada tahun 73 Hijrah.

Perbincangannya dengan ibunya sebagaimana yang disebutkan dalam kisah ini, telah berlaku dalam masa al-Hajjaj sedang mengepung negeri Makkah dan ibn al-Zubayr telah dikecewakan oleh orang-orangnya.

Kisah ini tercatat dalam kitab “Tarīkh al-Tabarī” 7-203, “Balāghāt al-Nisā’”: 130, dan “al-‘Aqad al-Farīd”: 2-271, Penyunting Qalam)